

Noh pelik gelagat pengusaha sarang burung walet enggan daftar

PUTRAJAYA 18 Julai - Hampir 46,000 daripada 50,000 pengusaha sarang burung walet didapati enggan berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), sekali gus menyebabkan mereka tidak layak mendapat sijil untuk mengeksport produk mereka ke China.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar berkata, maklumat yang diperoleh mendapati keadaan itu disebabkan pelbagai faktor termasuk pengusaha cuba mengelak pembayaran cukai pendapatan serta kemungkinan terlibat dengan kegiatan penyeludupan dari negara jiran.

“Saya sendiri bertanya-tanya kenapa pengusaha berkenaan tidak mahu mendaftar. Daripada 50,000 pengusaha sarang burung yang ada, hanya 4,120 telah berdaftar dengan JPV.

“Kalau pengusaha ini tidak mahu berdaftar, mereka tidak akan dapat eksport hasil sarang burung mereka,” katanya pada sidang akhbar mengenai perkembangan terkini larangan eksport sarang burung ke China di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hashim Abdullah dan Ketua Pengarah JPV, Datuk Dr. Abdul Aziz Jamaluddin.

Sebelum ini sekumpulan pengusaha sarang burung dilaporkan ma-



NOH Omar (tengah) bersama Hashim Abdullah (kiri) dan Abdul Aziz Jamaluddin menunjukkan sarang burung walet yang siap untuk dieksport di Putrajaya, semalam.

hu berhimpun bagi membantah keputusan kerajaan untuk melaksanakan sijil Pengenal Pasti Berfrekuensi Radio (RFID) bagi mengenal pasti asal usul sarang burung yang

akan dieksport.

Kumpulan pengusaha sarang itu mendakwa kerajaan sengaja menyusahkan mereka dengan memperkenalkan sijil RFID walaupun pi-

hak China tidak pernah meminta syarat tersebut dalam protokol yang bakal ditandatangani.

Noh bagaimanapun menafikan dakwaan tersebut serta menegaskan

kan bahawa syarat RFID telah dimasukkan ke dalam protokol yang bakal dimeterai antara Malaysia dengan China.

Beliau berkata, terdapat pihak yang cuba memanipulasi dan mempolitikkan isu sarang burung ketika Kuala Lumpur dan Beijing bakal menandatangani protokol tersebut yang akan membolehkan eksport sarang burung ke China disambung semula.

“Nampaknya ada orang yang cuba menjadi wira pada ketika kita berjaya memuktamadkan protokol ini dan Kabinet telah meluluskan pemeteraiannya pada minggu lalu.

“Malaysia pada masa ini hanya menunggu maklum balas Kementerian Pentadbiran Penyeliaan Kualiti, Pemeriksaan dan Kuarantin China mengenai bila dan di mana protokol ini akan ditandatangani,” katanya.

Noh berkata, sementara menunggu protokol itu ditandatangani secara rasmi, pihaknya sedia mengeluarkan sijil kepada pengusaha sarang burung yang mahu mengeksport produk mereka ke China.

“Mereka bagaimanapun perlu mematuhi syarat dalam protokol yang bakal ditandatangani iaitu mendapat sijil perakuan daripada JPV dan Kementerian Kesihatan serta sijil yang membuktikan tempat asal sarang burung,” katanya.